

12 MAY 2001

Mahathir-Pekerja

WARGA KERJA DIINGAT TIDAK TERPENGARUH DAKYAH KESATUAN SEKERJA ASING

KUALA LUMPUR, 12 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan warga pekerja dan pemimpin kesatuan sekerja negara ini supaya tidak terpengaruh dengan dakyah pemimpin kesatuan sekerja asing yang cuba menghasut pekerja supaya membuat tuntutan melampau terhadap majikan.

Perdana Menteri berkata tujuan sebenar kesatuan sekerja asing berkenaan adalah untuk menjatuhkan sektor industri negara dan mengeluarkan negara daripada persaingan di pasaran antarabangsa.

"Mereka juga cuba menghasut pekerja dan pemimpin kesatuan sekerja supaya membuat tuntutan keterlaluan, mengadakan mogok dan sebagainya dengan niat supaya kita tidak kompetitif, barang kita jadi mahal.

"Mereka tidak bersimpati dengan pekerja kita, yang mereka ingin lihat pekerja buat tuntutan keterlaluan (supaya) timbulkan masalah dan tidak dapat bersaing dengan barangan mereka," katanya dalam amanat khas Perdana Menteri pada perhimpunan Hari Pekerja 2001 di Stadium Putra di sini.

Dr Mahathir berkata jika pekerja negara ini terpengaruh dengan dakyah seumpama itu, maka proses industrialisasi negara akan terhenti, pekerja akan hilang pekerjaan, negara akan merosot sekaligus membolehkan pihak asing menguasai pasaran.

Ketika diminta mengulas perkara berkenaan dalam sidang media selepas itu, Dr Mahathir berkata tuntutan melampau itu banyak dilakukan oleh pemimpin kesatuan sekerja dari negara maju pada satu ketika dulu, dengan mendesak pemimpin kesatuan sekerja tempatan supaya mendapatkan layanan yang lebih baik, gaji yang lebih tinggi serta mengadakan tindakan perusahaan.

"Alhamdulillah pekerja kita tidak berminat sangat nak buat tuntutan berlebihan sebaliknya sanggup berunding, tidak tertarik dengan cara kasar.

"Oleh sebab itu kita dapat terus kekalkan daya saing, oleh sebab itu kita dapat keluarkan barang yang sama tetapi pada harga yang lebih murah," katanya.

Dalam amanatnya sebelum itu, Dr Mahathir juga berkata adalah penting untuk rakyat mengekalkan kestabilan dalam negara bagi mewujudkan suasana pelaburan yang menarik.

"Pembangunan negara bergantung kepada kestabilan dalaman negara, jika keadaan dalaman tidak stabil maka kita tidak akan terima pelaburan, bukan saja pelaburan luar negara tetapi juga dari dalam negara," katanya.

Dr Mahathir berkata tujuan kerajaan mencari banyak pelaburan pula bukanlah kerana mahu mengutip hasil tetapi kerana mahu mewujudkan seberapa banyak peluang pekerjaan bagi rakyat.

Pada majlis itu Perdana Menteri turut menyampaikan beberapa anugerah termasuk Anugerah Tokoh Pekerja Lelaki Tahun 2001 yang dimenangi oleh Kenzer Tan Heck Wee dan Anugerah Tokoh Pekerja Perempuan Tahun 2001 yang dimenangi oleh Rohana Abdul Rahman.

Tan adalah Pengurus Pengurusan Kualiti Keseluruhan dan Komunikasi syarikat Infineon Technologies (Malaysia) Sdn Bhd, manakala Rohana pula adalah Ketua Seksyen (Section Leader) di Elektrisoal (Malaysia) Sdn Bhd.

Perhimpunan pada hari ini yang diadakan sempena sambutan Hari Pekerja pada 1 Mei lalu disertai oleh lebih 200 kontinjen daripada pelbagai sektor awam dan swasta serta institusi pengajian tinggi tempatan dari seluruh negara.

-- BERNAMA

NM AZZ PR